

Headline	Perluas konsep merdeka hamba		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	38	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	244 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fuad Hadinata Yaacob	AdValue	RM 9,462
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,386



# Perluas konsep merdeka hamba

■ **Bebaskan  
asnaf  
terbabit  
dalam  
masalah  
sosial,  
akidah**

**Oleh Fuad Hadinata Yaacob**  
hadinata@hmetro.com.my  
**Petaling Jaya**

Headline	Perluas konsep merdeka hamba		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	38	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	244 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fuad Hadinata Yaacob	AdValue	RM 9,462
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,386



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan memperluaskan konsep asnaf al-Riqab daripada memerdekakan hamba kepada golongan yang terbahit dalam pelbagai masalah akidah dan sosial seperti pelacuran, penagihan dadah, golongan lesbain, gay, biseksual dan transeksual (LGBT), HIV serta Aids.

Cara itu dapat membantu golongan berkenaan untuk pulih daripada masalah yang dihadapi seterusnya mengurangkan kes membabitkan gejala

**FAKTA**  
Konvensyen bertemakan 'Kesejahteraan Ummah Tanggungjawab Bersama' itu dihadiri 250 peserta

sosial.

Ketua Pengerah JAKIM Datuk Othman Mustapha berkata, ketika ini Selangor melalui Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melaksanakan konsep baru itu sekali gus dapat membantu membebaskan golongan berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya berharap Jabatan Agama Islam Negeri serta Majlis Agama Islam Negeri dapat melaksanakan konsep berkenaan.

**OTHMAN** (kiri), Timbalan Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Ahmad Shahir Makhtar dan (kanan) Pengerah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Zakuan Sawai melihat kandungan tiga buku Manual Sosial terbitan JAKIM.

"Kita berharap asnaf al-Riqab ini dapat dijalankan di negeri lain supaya golongan yang terbelenggu ini dapat dibantu," katanya ditemui selepas merasmikan Konvensyen Pemerkasaan Ummah peringkat Kebangsaan 2014 di Kompleks Tabung Haji di sini semalam.

Konvensyen selama dua hari itu bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu semasa berkaitan keluarga, sosial dan komuniti di

samping memperkasakan perkongsian strategik di antara agensi dalam menangani isu berkenaan dengan lebih berkesan.

Konvensyen bertemakan 'Kesejahteraan Ummah Tanggungjawab Bersama' itu dihadiri kira-kira 250 peserta yang terdiri daripada wakil Jabatan Agama Islam Negeri; kakitangan kerajaan; badan bukan kerajaan (NGO); pengusaha rumah rawatan dan pemulihan serta Institusi Pengajian Tinggi.